

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



Adat Menghantar Tanda

Encik Yahya Uthman dari Singapura bertanya:

Telah teradat di negeri kita, dalam upacara menghantar tanda kerana menunang anak dara orang, bagi pihak perempuan berkata: "Kalau pihak lelaki ingkar barang-barang hadiah menghantar tanda dikira hilang." Perjanjian tu (jika diakui oleh pihak lelaki) menjadi sah.

Yakni jika pihak yang telah berniat menunang dengan tujuan hendak mengkahwin perempuan ditunangnya itu kemudian dia ingkar (maksudnya ialah membatalkan pertuyangannya¹), maka barang-barang hadiah yang diberikan olehnya tiada berhak ia hendak menuntutnya kembali, kerana hadiah itu diberikan dengan tujuan kahwin – sedang tujuan kahwin itu jika pihak lelaki sendiri yang membatalkannya bererti hadiah pemberiannya pun dengan sendirinya turut terbatal, jelasnya dikira hilang.

Ada pun perjanjian yang berbunyi: "Jika salah seorang dari kedua pihak meninggal dunia sama-sama halalkan." Janji yang demikian ini tidak sah.

Yakni sebagaimana yang telah maklum tujuan menghantar tanda yang berupa hadiah-hadiah dari pihak lelaki itu tak lain ialah dengan tujuan kahwin. Maka selagi pihak lelaki belum berakad nikah dengan pihak perempuan, pihak perempuan itu tidak berhak memiliki apa jua pun sama ada wang hantaran, perbelanjaan kahwin atau hadiah-hadiah tanda pertunangan dan sebagainya – yang diterima dari pihak lelaki.

Jika ditakdirkan sesudah terikat tali pertunangan kemudian perempuan itu meninggal dunia, hendaklah semua pemberian itu dikembalikan oleh warisnya si mati kepada pihak lelaki. Atau sebaliknya jika yang laki-laki mati

agama dan berlawanan dengan hukum-hukum Islam, maka dengan sendirinya janji itu menjadi sia-sia, tidak berlaku dan dengan lebih tepat lagi tidak sah, boleh terkadang pula menjadi haram.

Dalam kata-kata pihak perempuan – sebagai XXXX

saudara sebutkan di atas – yang berkata: "Kalau pihak lelaki ingkar, barang-barang hadiah menghantar tanda itu dikira hilang." Perjanjian tu (jika diakui oleh pihak lelaki) menjadi sah.

Yakni jika pihak yang telah berniat menunang dengan

tujuan hendak mengkahwin perempuan ditunangnya itu kemudian dia ingkar (maksudnya ialah membatalkan pertuyangannya¹), maka barang-barang hadiah yang diberikan olehnya tiada berhak ia hendak menuntutnya kembali, kerana hadiah itu diberikan dengan tujuan kahwin – sedang tujuan kahwin itu jika pihak lelaki sendiri yang membatalkannya bererti hadiah pemberiannya pun dengan sendirinya turut terbatal, jelasnya dikira hilang.

Adakah perjanjian sedemikian ini dikira sah

mengikut syariat hukum Islam?

Jawapannya:

Islam mensyariatkan tiap-tiap perjanjian itu bila telah diikrarkan wajiblah ditunaikan – berdasarkan firman Allah Ta‘ālā “awfū bi al-‘uqūd” ertiaya: “Hendaklah kamu tunaikan segala janji.”

Tetapi bukanlah sebarang ikrar dapat dikira sebagai janji. Terutama apabila ikrar itu menyalahi syariat.

¹ Perkataan sebenar ialah pertunangannya.



Dato' al-Sayyid Isa al-Munawar sedang menyampaikan derma biasiswa UMNO kepada Zaitun bin Haji Syarif pelajar Kolej Islam Klang yang berasal dari Madrasah al-Junied al-Islamiah, Singapura. Derma tersebut diterima oleh Tuan Haji Syarif sebagai wakil anaknya yang tak dapat hadir dalam istiadat menyampaikan hadiah derma biasiswa itu yang telah diadakan di Madrasah al-Junied baru-baru ini.

sebelum sempat berakad nikah, warisnya berjak menuntut

tersebab kematian pihak lelaki atau pihak perempuan,

harta-harta pemberian itu dari pihak perempuan. Sebabnya

barang-barang tersebut hendaklah dikembalikan kepada yang berhak.

ialah barang-barang pemberian itu bukanlah merupakan hadiah-hadiah

Kecuali yang berhak kemudiannya telah menghalalkan, jadilah ia

semata-mata, tetapi didasarkan untuk melangsungkan

sedekah *ta'tawwu'*.

perkahwinan, dan tiadalah gunanya mengadakan upacara

Adapun perjanjian yang berbunyi: "Jika pihak

menghantar tanda itu melainkan tujuannya hendak berkahwin.

perempuan ingkar mesti mengganti semua barang-barang hadiah

Jadi selagi perkahwinan tak dapat dilangsungkan

itu sebanyak dua kali ganda." Janji yang demikian

itu pun tidak sah.

Yakni pihak perempuan jika ingkar (maksudnya membatalkan petungan itu), dia hanya dikehendaki mengembalikan sebanyak mana barang-barang yang telah diterimanya tiada lah boleh ia dikehendaki pembayaran lebih dari yang diterimanya, apa lagi hingga berganda. Perbuatan itu jika dilakukan – walaupun kerana megikut adat – adalah dikira dalam golongan orang-orang yang ditegah oleh Allah memakan harta-harta yang haram. Dalam hubungan ini Allah telah berfirman yang berbunyi “*Walā ta’kulū amwālakum baynakum bil bāṭil*” erti ya: “Dan janganlah kamu memakan harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang batil (tidak halal).”

Berdasarkan naṣ di atas nyata lah membebani pihak perempuan dengan pembayaran berganda seperti yang lazim dijadikan perjanjian semasa mengadakan upacara menghantar tanda itu adalah berlawanan dengan syarak. Oleh itu kebiasaan yang telah menjadi adat ini hendaklah segera dihapuskan.

Pembunuhan Tidak Sengaja.

Encik Rahmat Abdul Hamid dari Alor Setar bertanya:

Saya sedang memandu kereta, tiba-tiba dalam perjalanan tersempak² dengan seorang penunggang basikal, dia gugup lalu terlanggar sebuah kereta yang lain dengan tidak sengaja yang menyebabkan kematiannya.

Inginlah saya hendak tahu apa hukumnya masalah ini dalam syarak?

Jawapannya:

Seorang menjadi pemandu kereta manakala dia tidak dapat mengelakkan adanya perlanggaran tersebut dengan apa cara

sekalipun tiadalah ia terlebih dalam pembunuhan itu dengan demikian tiadalah ia terkena sebarang hukuman diah (ganti rugi). Tetapi jika sekiranya ada baginya kemungkinan³ untuk mengelakkan perlanggaran itu tetapi telah tidak melakukannya, bererti dia telah melakukan kecuaian⁴ di dalam memandu keretanya. Maka terkenalah ke atasnya dua macam hukuman pertama membayar diah *mukhaffah* (ganti rugi jenis ringan) dan kedua membayar *kafārah*.

Dalam kitab-kitab fikih perkara-perkara mengenai “diah” dan “*kafārah*” ini diterangkan dengan panjang lebar “fasal pembunuhan” yang tak mungkin⁵ hendak diterangkan seluruhnya dalam ruangan ini.

Sebahagiannya bolehlah diringkaskan kesimpulannya sebagai berikut:

Sifat-sifat pembunuhan ada 3 macam. (1) Pembunuhan yang dilakukan dengan sengaja. (2) Menyerupai sengaja *shibih ‘amdu*. (3) Pembunuhan yang dilakukan kerana tersilap (*Khaṭa*’).

Adapun pembunuhan yang sengaja itu ialah; berniat membunuh seseorang dengan alat biasanya menyebabkan kematian, lalu orang itu pun terbunuh olehnya. Wajiblah si pembunuhan itu dikenakan balasan bunuh yang seumpamanya yang dinamakan “*qisās*”, atau jika keluarga si mati itu tidak menuntut *qisās*, bolehlah keluarga tersebut menerima diah sahaja dari harta si pembunuhan tersebut.

Ada pun pembunuhan yang menyerupai sengaja (*Shibih ‘Amdu*) itu ialah; berniat memukul seseorang dengan alat yang biasanya tidak menyebabkan kematian seperti memukulnya dengan tongkat yang halus atau melemparnya dengan batu yang kecil maka orang itu pun mati. Tidak wajib atasnya “*qisās*”, hanyalah wajib membayar “diah”. Bayaran diah atau ganti rugi ini ditanggung beramai-ramai oleh keluarga yang menyebabkan kematian tersebut untuk dibayarkan kepada

² Perkataan sebenar ialah tersempak.

³ Perkataan sebenar ialah kemungkinan

⁴ Perkataan sebenar ialah kecuaian.

⁵ Perkataan sebenar ialah mungkin



Mewakili Jawatankuasa Biasiswa UMNO, Singapura Dato' al-Sayyid Isa al-Munawar sedang menyampaikan cek 250.00 ringgit kepada Abdul Ghani bin Shamsudin pelajar Madrasah al-Junied al-Islamiah yang mendapat biasiswa Kerajaan Republik Arab Bersatu untuk pelajarannya ke Universiti al-Azhar, untuk melanjutkan Mesir. Turut menyaksikan al-Sayyid Ali Redha Alsagoff, al-Sayyid Husin al-Shatihi guru utusan dari Mesir (di tengah) dan guru-guru Madrasah al-Junied yang lainnya.

keluarga si mati. Dan diah pada jenis “*Shibih ‘Amdu*” ini digelarkan “*Diah Mughalazah*” dibayarkan beransur-ansur selama 3 tahun – tiap-tiap pada penghujung tahun dibayarkan separtiga bahagian. Di samping itu dikenakan bayaran “*kafārah*”.

Ada pun pembunuhan yang tersilap (*khaṭa’*) itu ialah; tidak ada niat membunuh sama sekali bahkan meniatkan yang lain. Misalnya *kafārah* seorang pemburu menembak rusa tetapi peluru telah sesat mengenai orang, lalu orang itu terbunuh. Tidak wajib atasan⁶ pemburu itu *qisāṣ* atau balasan bunuh, bahkan dikenakan bayaran “diah” yang ditanggung oleh keluarga pihak – yang menyebabkan kematian tersebut untuk dibayarkan kepada keluarga si mati.

Dan diah jenis “*khaṭa’*” ini digelarkan “*diah mukhaffah*” dibayarkan beransur-ansur selama 3 tahun – tiap-tiap pada

penghujung tahun dibayarkan separtiga bahagian – juga disamping itu terkena membayar “*kafārah*”.

Adapun yang dikatakan “diah” itu ialah, bayaran ganti rugi. Kalau sifat pembunuhan itu sengaja, diahnya pembunuhan itu tidak sengaja – sama ada “*khaṭa’*” atau “*Shibih ‘Amdu*” – pembayarang diahnya ditanggung oleh keluarga orang yang mengakibatkan pembunuhan itu. Dalam kitab fikah keluarga tersebut distilahkan dengan perkataan “‘*Aqilah*’. ‘*Aqilah* atau keluarga inilah yang menolong beramai-ramai membayarkan diahnya kepada keluarga si mati. Dan jika tak ada kemungkinan⁷ pembayaran dari mereka kerana miskin, diahnya diambil dari “*Bitulmal*”.

Adapun diah itu ada dua macam, 1. *Mughalazah* (berat). 2. *Mukhaffah* (ringan). Masing-masing berupa 100 ekor unta – bezanya “yang berat” itu untanya besar-besar dan ada yang

⁶ Perkataan sebenar ialah atasnya.

⁷ Perkataan sebenar ialah kemungkinan.

bunting, sedang “yang ringan” pula unta yang berumur muda.

Adapun “diah” yang mesti dibayar pula mengikut tertib jenis orang yang terbunuh dan masing-masing tidak sama banyaknya. Tetapi diah yang setinggi-tingginya dibayar ialah 100 ekor unta. Ini ialah diah bagi seorang Muslimin lelaki yang telah terbunuh.

Adapun jika tak ada unta untuk pembayar diah, hendaklah dibayarkan harganya (ini mengikut *qawl* Imam Shāfi‘ī yang muktamad). Dan mengikut *qawl*nya yang *qadīm* jika tak didapati unta untuk pembayar diah, boleh dibayarkan dengan mas seribu dinar atau perak dua ribu dirham.

atau denda tersebut membunuh itu ialah, memerdekakan seorang hamba sahaya yang mukmin, wajib yang dibunuh itu seorang muslim, atau kafir *ma ‘āhad* dikeluarkan dari harta orang yang membunuhnya – sama ada lelaki, atau perempuan, merdeka atau hamba sahaya. Jika tidak mendapat hamba sahaya yang mukmin berturut-turut tetapi jika dia mempunyai hamba XXXX dari nafkah dirinya dan nafkah orang-orang yang ditunggu mukmin atau mampu membelinya kerana ada hartanya yang berlebihan dan keperluan mereka seperti tempat tinggal dan seumpamanya, wajiblah memerdekaan hamba sahaya tersebut – tak boleh digantikan kewajipan itu dengan mengerjakan puasa. *Wa Allāhu a ‘lam.*

Tentang hukum mengenai ‘*kafārah*’ pula. *Kafārah*

—◎—

Orang Melayu Singapura terdesak hidup-nya!

Puncha-nya? :— Bacha buku:

PERISTEWA-PERISTEWA SIASAH DI-TANAH MELAYU

OLEH: EDRUS.

Pinta lah kepada penerbit-nya

Qalam

356/8, GEYLANG ROAD

SINGAPURA 14.